

03/05/1999

Usah buat pemilihan kerana marah

DALAM pilihan raya di mana-mana sekali pun, rakyatlah yang menentukan keputusan memilih kerajaan yang sah secara demokrasi. Keadaan yang sama berlaku di Malaysia yang meletakkan masa depan negara ini kepada pemilihan rakyatnya. Setiap lima tahun sekali, rakyat dibenarkan mengadili kerajaan. Di Malaysia, terbukti walau apapun isu yang melanda, perkongsian kuasa menerusi kerajaan Barisan Nasional (BN) diterima rakyat sebagai wadah perjuangan yang paling sesuai di negara ini dalam konteks memajukan kehidupan dan taraf hidup rakyat, meningkatkan pembangunan dan mentadbir negara dengan adil.

Memilih sebuah kerajaan bukanlah ibarat membeli barang-barang yang boleh dibuat mengikut cita rasa atau musim. Memilih sebuah kerajaan perlu dibuat dengan berhati-hati kerana kerajaan yang dipilih akan menentukan masa depan bangsa, agama dan negara. Membuat pemilihan mengikut emosi bukan penilaian yang baik. Tidak ada satu pun keputusan yang baik boleh dilakukan jika ia dibuat hanya kerana mengikut perasaan dan marah. Membakar kelambu kerana marahkan nyamuk, bukanlah sifat orang yang berfikir.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin menasihatkan rakyat supaya membuat pilihan yang tepat pada pilihan raya akan datang. Sebenarnya rakyat mempunyai dua pilihan sama ada memilih BN yang sudah pun mempunyai rekod perkhidmatan yang cemerlang atau memilih parti pembangkang yang sering bertelagah sesama sendiri. Parti pembangkang kononnya mahu bergabung semula dalam pilihan raya akan datang sedangkan gabungan seperti itu sudah terbukti gagal dalam beberapa pilihan raya sebelum ini. Apakah parti yang berbeza kiblatnya boleh duduk semeja? Rakyat harus menilai niat sebenar parti berkenaan kerana sikap ketidakjujuran mereka begitu jelas. Pemuafakatan sementara mereka sebenarnya adalah pemuafakatan songsang. Kebelakangan ini, parti pembangkang cuba menjatuhkan kerajaan dengan pelbagai tohmahan dan fitnah melulu. Tuduhan demi tuduhan dibuat untuk menyemarakkan kebencian rakyat kepada pemimpin negara. Apakah rakyat sanggup memberi kuasa kepada parti seperti ini? Begitu juga, sebelum diberi kuasa pun sudah sanggup meletakkan undang-undang di tangan sendiri, setelah diberi kuasa, tidak mustahil mereka akan menyalahgunakan kuasa. Rakyat Malaysia menolak sifat yang melampau sedangkan parti-parti pembangkang sedia ada menjurus ke arah bersifat melampau sama ada dari segi fahaman atau tindakan.

Jika rakyat mahu mengekalkan budaya murni yang dipupuk sekian lama, memilih parti pembangkang yang sedia ada di negara ini hari ini, bukanlah jawapan kepada penyelesaian masalah. Kebelakangan ini segelintir rakyat diupah supaya menunjuk perasaan di tepi-tepi jalan. Apakah motif parti-parti berkenaan berbuat demikian? Apabila polis dan pihak berkuasa bertindak balas, mereka mencemuh tindakan pihak berkuasa dan menganggapnya bertindak zalim. Di mana-mana sekali pun, tidak ada negara yang membenarkan rusuhan. Polis di negara berkenaan juga bertindak membanteras perbuatan yang dianggap boleh mencetuskan keadaan huru-hara, malah lebih kasar lagi. Rakyat negara berkenaan berterima kasih kepada polis kerana berjaya mematahkan tindakan perusuh dan membolehkan mereka bebas ke mana-mana. Di negara ini keadaan sebaliknya pula berlaku. Tindakan polis dianggap keterlaluan sedangkan mereka sedar dalam keadaan terdesak, pelbagai peristiwa boleh berlaku. Apakah mereka mahu membela perusuh tanpa mengambil kira kesejahteraan jutaan rakyat yang lain. Apakah parti

pembangkang di negara ini mahu menyuburkan benih huru-hara di kalangan rakyat negara ini.

Rasanya, bagi mereka yang merancang untuk memilih parti pembangkang, mereka haruslah berfikir dengan waras, bukan mengikut emosi. Mereka tidak seharusnya terpengaruh dengan dakwah parti-parti pembangkang yang dilaungkan menerusi ceramah atau majlis yang mereka anjurkan. Kebanyakan hujah yang disampaikan kepada umum dibuat tanpa bukti yang kukuh. Memang seronok mendengar syarahan yang menghentam kerajaan tetapi sedarkan mereka kesannya kepada rakyat dan negara ini. Kebelakangan ini pula ada pemimpin parti pembangkang yang cuba meraih simpati di luar negara. Rekod ekonomi, sosial dan politik negara yang mereka cuba dapatkan simpati itu adalah jauh lebih buruk daripada negara ini. Tetapi, disebabkan mereka tahu kiblat negara berkenaan yang mendapat sokongan sebuah kuasa besar dunia, mereka cuba mendapat nasihat daripada negara berkenaan. Apakah setelah negara ini bebas daripada cengkaman penjajah, rakyat rela negara ini mendengar nasihat daripada negara berkenaan yang kadar jenayahnya beratus kali ganda daripada negara ini.

(END)